

PERMAINAN YANG SAMA



Para pemegang saham Grand Central Enterprises Bhd (GCE) akan berkumpul pada 13 September 2024 untuk menentukan nasib Cadangan Penarikan Penyenaiaan GCE dari Bursa Malaysia. Jika berjaya, urus niaga ini akan menjadi satu lagi tawaran penswastan yang “tidak adil tetapi munasabah”, selaras dengan sentimen serupa dalam latihan penswastan sebelum ini.

Penarikan diri GCE secara sukarela – Perjanjian muktamad untuk pemegang saham minoriti?

Susulan analisis terbaru tawaran penswastaan MPH Capital Berhad pada RM1.70 sesaham, The Observer kini mengalihkan perhatiannya kepada satu lagi langkah penswastaan iaitu Cadangan Menarik Balik Penyenaiaan Grand Central Enterprises Bhd (GCE) daripada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, menurut perenggan 16.06 Syarat-syarat Penyenaiaan Pasaran Utama (*Main Market Listing Requirements*, MMLR) Bursa Malaysia Securities Berhad (secara kolektif dirujuk sebagai Cadangan Penswastaan). Jika berjaya, perjanjian ini akan menjadi satu lagi tawaran penswastaan yang “tidak adil tapi munasabah”, mengulangi sentimen yang sama daripada pelaksanaan sebelum ini.

Penswastaan GCE telah diumumkan pada 22 Julai 2024 oleh pemegang saham pengawalnya iaitu Hotel Grand Central Limited (HGCL) dan Tan Chee Hoe & Sons Sdn Bhd (TCHSSB) (dirujuk sebagai Pencadang atau Pembuat Tawaran Bersama) yang secara kolektif memegang 73.39% daripada jumlah saham terbitan GCE pada 16 Ogos 2024.

Aktiviti utama GCE adalah dalam perniagaan hotel di Malaysia. GCE memiliki dan mengendalikan lima hotel di bawah jenama Hotel Grand Continental yang terletak di Kuala Lumpur, Kuala Terengganu, Kuantan, Kuching dan Langkawi dengan kepentingan ekuiti yang berbeza-beza, manakala Hotel Grand Crystal di Kedah diletakkan di bawah perjanjian pengurusan.

Untuk memudahkan Cadangan Penswastaan (yang mewakili tawaran pengambilalihan sukarela bersyarat), HGCL dan TCHSSB telah menawarkan 46 sen sesaham untuk memperoleh baki 26.61% atau 52.43 juta saham GCE yang belum dimiliki oleh mereka (secara kolektif dirujuk sebagai Tawaran Keluar). Pembuat Tawaran Bersama tidak berhasrat untuk mengekalkan status penyenaiaan GCE di Pasaran Utama Bursa Malaysia.

Menurut perenggan 16.06 (1) (c) MMLR dan tertakluk pada kelulusan pemegang saham, Pencadang yang membuat permohonan menarik balik penyenaiaan perlu menawarkan kepada pemegang saham suatu alternatif tunai yang munasabah atau alternatif lain yang munasabah. Oleh itu, Tawaran Keluar dibuat untuk memudahkan Cadangan Penswastaan.

Rasional Cadangan Penswastaan

Cadangan Penswastaan dan Tawaran Keluar itu dibuat selepas GCE mencatatkan kerugian selama sepuluh tahun berturut-turut sehingga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 (tahun kewangan 2023) dan tempoh kewangan terkini berakhir 31 Mac 2024 (tempoh kewangan berakhir 2024).

Dengan peningkatan kos untuk menjalankan perniagaan serta persaingan sengit daripada hotel baharu, GCE menjangkakan prestasi kewangan yang mencabar pada

masa hadapan. Memandangkan prospek yang kurang memberangsangkan, Syarikat percaya ia tidak mungkin dapat mengumpulkan dana yang mencukupi untuk menambah baik perniagaan dalam pasaran modal.

Oleh yang demikian, Pembuat Tawaran Bersama percaya bahawa penswastaaan GCE akan memberikan mereka lebih fleksibiliti dalam melaksanakan rancangan penstrukturan semula untuk Syarikat, pada masa yang sama bebas daripada kewajipan mematuhi syarat-syarat penyenaraian.

Selain itu, saham GCE telah didagangkan secara tipis, dengan purata volum dagangan bulanan cuma 500,221 selama 12 bulan yang lalu sehingga Julai 2024, mewakili pusing ganti kecairan kira-kira 0.98%. Memandangkan aktiviti dagangan yang terhad dalam saham GCE, Pembuat Tawaran Bersama mendakwa Tawaran Keluar membolehkan pemegang saham merealisasikan pelaburan mereka secara serta-merta pada harga tawaran 46 sen sesaham.

Satu lagi tawaran keluar yang “tidak adil tapi munasabah”.

Dalam surat nasihat bebasnya (*independent advice letter*, IAL) bertarikh 22 Ogos 2024, penasihat bebas (*independent adviser*, IA) MainStreet Advisers Sdn Bhd membuat kesimpulan bahawa Tawaran Keluar adalah **“tidak adil tetapi munasabah”** dan ia mengesyorkan pemegang saham untuk menerima Tawaran Keluar.

Tawaran Keluar adalah **“tidak adil”** kerana harga tawaran sebanyak 46 sen sesaham mewakili:

- (i) **Diskaun sebanyak 60.68%** kepada **anggaran nilai saksama RM1.71 untuk setiap saham GCE**, yang dikira berdasarkan kaedah nilai aset bersih yang dinilai semula (*revalued net asset value*, RNAV)
- (ii) **Diskaun sebanyak 52.08%** kepada **aset bersih sesaham (*net asset*, NA) terkini yang belum diaudit sebanyak 96 sen sesaham** pada 31 Mac 2024.

Bagaimanapun, IA berpendapat bahawa Tawaran Keluar itu adalah **“munasabah”**, kerana ia memberikan peluang kepada para pemegang saham, terutamanya mereka yang mempunyai pegangan yang besar, untuk merealisasikan pelaburan mereka dalam GCE. Ia suatu peluang yang tidak mungkin datang bergolek, memandangkan volum dagangan GCE yang rendah serta harga sahamnya yang tidak memberangsangkan sejak tiga tahun lalu. Kerugiannya yang berpanjangan membuatkan GCE tidak berupaya untuk mengagihkan dividen sejak tahun kewangan 2019, menyukarkan syarikat untuk meletakkan harga saham pada tahap yang lebih tinggi.

Memandangkan Tawaran Keluar bertujuan untuk memudahkan Cadangan Penswastaaan, IA juga telah menilai tawaran untuk memberikan pengarah dan pemegang saham yang tidak berkepentingan pemahaman yang komprehensif tentang Cadangan Penswastaaan ini. Melihat dari perspektif holistik, IA berpendapat Cadangan Penswastaaan ini adalah

“adil dan munasabah” dan tidak merugikan pemegang saham, apabila mengambil kira perkara berikut:

- (i) GCE telah mengalami kerugian sejak 10 tahun kewangan yang lalu secara berturut-turut disebabkan persekitaran operasi yang mencabar. Selain itu, aset bersih (*net asset*, NA) sesahamnya telah merosot daripada RM1.29 pada tahun kewangan 2014 kepada 97 sen pada tahun kewangan 2023 dan seterusnya 96 sen pada tempoh kewangan berakhir 2024.
- (ii) Hotel di bawah GCE mempunyai kadar penghunian sekitar 24% dan purata umur bangunan 31 tahun. Berdasarkan faktor ini, syarikat memerlukan pengubahsuaian yang berintensifkan modal untuk terus berdaya saing dalam industri hospitaliti.
- (iii) Tiada jaminan bahawa saham GCE dapat direalisasikan pada RNAV yang dianggarkan.
- (iv) Harga pasaran saham GCE telah didagangkan kurang daripada Harga Tawaran sejak 12 bulan yang lalu sehingga 19 Julai 2024.
- (v) Saham GCE adalah tidak cair.
- (vi) Lembaga Pengarah tidak menerima cadangan alternatif untuk Saham Tawaran (termasuk apa-apa tawaran untuk memperoleh aset dan liabiliti kumpulan GCEB). Selain itu, memandangkan Pembuat Tawaran Bersama dan orang yang bertindak bersama-sama (*persons acting in concert*, PAC) secara kolektif memegang pegangan majoriti kira-kira 74.25% dalam saham GCEB pada 16 Ogos 2024, apa-apa cadangan alternatif tidak akan berhasil tanpa sokongan mereka.

Oleh yang demikian, IA mengesyorkan supaya pemegang saham **mengundi memihak** kepada resolusi Cadangan Penswastan, yang akan dibentangkan pada Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) GCE yang akan diadakan secara fizikal pada 13 September 2024.

IA selanjutnya menyatakan bahawa pandangan mereka terhadap Cadangan Penswastan dan Tawaran Keluar adalah sejajar, justeru menasihati pemegang saham untuk menerima Tawaran Keluar dan mengundi memihak kepada resolusi Cadangan Penswastan.

Pilihan yang terhad untuk pemegang saham minoriti

Suatu perkara yang membimbangkan, seperti yang digariskan dalam Seksyen 11 Pekeliling bertarikh 22 Ogos 2024, semua pemegang saham, termasuk mereka yang mempunyai kepentingan dalam cadangan itu, berhak untuk mengundi resolusi yang berkaitan Cadangan Penswastan. Alasannya ialah Cadangan Penswastan memberi kesan kepada hak semua pemegang saham dan tiada pemegang saham atau kumpulan pemegang saham tertentu dijangka mendapat kelebihan yang tidak wajar daripada cadangan tersebut.

Dalam konteks ini, Cadangan Penswastaan tidak dianggap sebagai urusan niaga pihak berkaitan dan tidak menimbulkan konflik kepentingan di bawah Syarat-syarat Penyenaraian. Oleh itu, **pihak yang berkepentingan tidak perlu mengelak daripada mengundi** resolusi ini pada EGM yang akan datang, tanpa mengira pegangan saham mereka iaitu secara langsung atau tidak langsung.

Situasi ini ternyata tidak menguntungkan pemegang saham minoriti. Memandangkan Pembuat Tawaran Bersama dan orang yang bertindak bersama-sama mereka (PAC) mengusulkan cadangan ini dan berpeluang mendapat manfaat daripada penyahsenaraian GCE, bagaimana mereka tidak boleh dianggap sebagai pihak berkaitan sedangkan kepentingan mereka terikat secara langsung dengan keputusan cadangan itu?

Lagipun, menurut keputusan kewangan GCE yang belum diaudit untuk tempoh berakhir 30 Jun 2024, Kumpulan mempunyai tunai dan tunai setara berjumlah RM42.5 juta. Pembuat Tawaran Bersama hanya memerlukan RM24.1 juta untuk memperoleh baki saham yang belum dimiliki oleh mereka. Sekiranya Cadangan Penswastaan itu berjaya, Pembuat Tawaran Bersama akan menerima baki wang tunai sebanyak RM18.4 juta, bersama-sama dengan lima hotel yang dimiliki dan dikendalikan oleh GCE.

Ironinya, nasib pemegang saham minoriti GCE terletak di tangan dua pengarah bukan eksekutif bebas (*independent non-executive directors*, INED) yang tidak berkepentingan. Empat pengarah eksekutif GCE dan seorang lagi INED dianggap sebagai pihak berkepentingan dalam cadangan itu, lantas meletakkan keputusan itu di tangan dua INED berkenaan.

Setelah mengulas pandangan IA, mereka menganggap Cadangan Penswastaan dan Tawaran Keluar itu sebagai 'adil dan munasabah,' walaupun harga tawaran berada pada diskaun 60.68% kepada RNAV GCE sesaham. Justeru, cadangan itu dikemukakan untuk pertimbangan pemegang saham dan pemegang saham dinasihatkan supaya mengundi menyokongnya.

Memandangkan Pembuat Tawaran Bersama dan PAC mereka memegang sebahagian besar saham GCE, pemegang saham minoriti berdepan pilihan yang terhad. Cadangan Penswastaan ini nampaknya sudah pun dimuktamadkan. Walaupun pemegang saham minoriti menolak Tawaran Keluar, mereka berisiko menyaksikan pelaburan mereka terikat dalam entiti tidak tersenarai untuk tempoh yang panjang. Ibarat sudah basah, kehujanan pula. Kesakitan ini amat memeritkan lebih-lebih lagi jika kos pelaburan mereka jauh melebihi harga tawaran.

Situasi ini mengingatkan kita kepada Uncle K, yang menceritakan kisahnya yang membuat pelaburan dalam GCE lebih sedekad yang lalu, dengan harapan pelaburan ini suatu hari nanti akan diwariskan sebagai pusaka. Kini, beliau berdepan dilema; terima Tawaran Keluar yang sangat tidak adil atau menanggung risiko memegang saham sebuah entiti yang tidak tersenarai.

Bukan yang pertama dan bukan yang terakhir

Paling ketara, diskaun 60.68% GCE kepada RNAV sebanyak RM1.71 sesaham berkemungkinan yang paling tinggi antara lapan syarikat awam tersenarai (PLC) yang telah mengumumkan tindakan penswastan dalam tempoh dua tahun lapan bulan yang lalu. Dalam setiap kes, IA membuat kesimpulan bahawa tawaran itu 'tidak adil tetapi munasabah,' namun masih menasihati pemegang saham yang tidak berkepentingan untuk menerima tawaran atau mengundi menyokong, lebih-lebih lagi apabila pembuat tawaran berhasrat untuk menyahsenarai syarikat.

Pelaksanaan ini dianggap "tidak adil" kerana harga tawaran adalah pada diskaun antara 10.84% dan 60.68% daripada nilai saksamanya. Daripada lapan PLC, enam telah berjaya dinyahsenarai manakala dua lagi, iaitu MPH Capital Berhad dan GCE, masih dalam proses.

| Tarikh notis | Pembuat Tawaran | Penerima Tawaran | Harga tawaran | Komen IA | Diskaun ke atas nilai saksama |
|------------------|----------------------------------|---------------------------------|---------------|---|-------------------------------|
| 22 Julai 2024 | TCHSSB dan HGCL | GCE | RM0.46 | Tidak adil tapi munasabah, undi sokong dan terima | (60.68%) |
| 28 Mei 2024 | Casi Management Sdn Bhd | MPHB Capital Berhad | RM1.70 | Tidak adil tapi munasabah, undi menyokong | (48.01%) |
| 6 Disember 2024 | Sime Darby Enterprise Sdn Bhd | UMW Holdings Berhad | RM5.00 | Tidak adil tapi munasabah, untuk diterima | (10.84%) to (16.90%) |
| 10 November 2023 | Lembaga Tabung Angkatan Tentera | Boustead Plantations Berhad | RM1.55 | Tidak adil tapi munasabah, untuk diterima | (40.40%) |
| 2 Mac 2023 | Lembaga Tabung Angkatan Tentera | Boustead Holdings Berhad | RM0.855 | Tidak adil tapi munasabah, untuk diterima | (45.30%) hingga (51.17%) |
| 14 Julai 2022 | Jardine Cycle & Carriage Limited | Cycle & Carriage Bintang Berhad | RM2.70 | Tidak adil tapi munasabah, | (31.76%) |

| Tarikh notis | Pembuat Tawaran | Penerima Tawaran | Harga tawaran | Komen IA | Diskaun ke atas nilai saksama |
|------------------|--|----------------------|---------------|---|-------------------------------|
| | | | | untuk diterima | |
| 17 Februari 2022 | Hock Seng Lee Enterprise Sdn Bhd | Hock Seng Lee Berhad | RM1.35 | Tidak adil tapi munasabah, untuk diterima | (30.77%) hingga (31.82%) |
| 26 November 2021 | Brem Properties Sdn Bhd & Tan Sri Dato' Khoo | Brem Holding Berhad | RM1.20 | Tidak adil tapi munasabah, undi menyokong | (37.20%) |

(Sumber: laman sesawang Bursa Malaysia)

Mungkin sudah tiba masanya bagi pengawal selia untuk mempertimbangkan semula penerimaan tawaran keluar secara sukarela yang 'tidak adil tapi munasabah'. Sekurang-kurangnya, PLC yang berhasrat untuk dinyahsenarai akan berusaha menawarkan harga yang 'adil dan munasabah' untuk semua pemegang saham.

Sekali lagi, kami menyokong amalan yang serupa dengan yang berlaku di Singapura, yang mana tawaran penyahsenaraian secara sukarela hendaklah dibuat secara "adil dan munasabah". Harga tawaran yang adil yang setara atau melebihi anggaran nilai saksama akan lebih menyelaraskan kepentingan pemegang saham minoriti dengan kepentingan pembuat tawaran.

Tambahan pula, pengarah bebas diamanahkan untuk melindungi kepentingan pemegang saham minoriti. Mereka perlu menolak tawaran penswastaan yang sangat tidak adil kepada pemegang saham minoriti.

Demi memastikan pasaran modal Malaysia berkembang maju, kita mendambakan masa depan yang menyaksikan tawaran penswastaan dibuat secara 'adil dan munasabah' untuk semua pemegang saham, dengan tidak memberi ruang kepada tawaran yang tidak adil pada diskaun yang tinggi.

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 9 hingga 13 September 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

| Tarikh & Masa | Syarikat | Tinjauan ringkas |
|---------------------------------|--|--|
| 09.09.24 (Isnin) 10.00 pagi | Bintai Kinden Corporation Berhad (AGM) | <p>Kumpulan melaporkan penurunan pendapatan sebanyak 68.31% kepada RM36.79 juta pada tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023: RM116.10 juta) disebabkan oleh penamatan 10 kontrak di bawah segmen kejuruteraan mekanikal dan elektronik (M&E) serta kekurangan projek baharu yang berskala besar.</p> <p>Kumpulan mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM5.16 juta pada tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023: kerugian sebelum cukai sebanyak RM116.62 juta) disebabkan oleh ketiadaan pertambahan rosot nilai yang ketara.</p> <p>Syarikat mendapat kelulusan daripada Bursa untuk tempoh lanjutan selama enam bulan hingga 29 September 2024 bagi mengemukakan pelan penyusunan semula.</p> |
| 10.09.24 (Selasa) 10.00 pagi | Land & General Berhad (AGM) | <p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM216.63 juta pada tahun kewangan 2024, 13% lebih rendah berbanding dengan RM249.18 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Pendapatan yang lebih rendah ini sebahagian besarnya disebabkan oleh jualan yang lebih rendah daripada</p> |

| Tarikh & Masa | Syarikat | Tinjauan ringkas |
|---------------------------------------|--|---|
| | | <p>bahagian Hartanah manakala projek baharu seperti Livista dan Wyn masih berada di peringkat awal pembangunan. Bahagian Hartanah kekal sebagai sumber pendapatan utama Kumpulan yang menyumbang 82% daripada jumlah pendapatan Kumpulan.</p> |
| <p>11.09.24 (Rabu) 09.45 pagi</p> | <p>See Hup Consolidated Berhad (AGM)</p> | <p>See Hup melaporkan peningkatan kecil dalam pendapatannya kepada RM126.27 juta daripada RM126.2 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Pendapatan segmen perdagangan dan penyewaan jentera melaporkan peningkatan yang ketara daripada RM16.0 juta kepada RM20.2 juta, didorong oleh penyiapan Projek Laluan Rel Pantai Timur. Segmen hartanah dan pegangan pelaburan juga menyaksikan pertumbuhan yang ketara dalam pendapatan daripada RM0.04 juta kepada RM0.81 juta, disumbangkan oleh peningkatan sewa gudang.</p> <p>Sementara itu, kerugian sebelum cukai See Hup menunjukkan pengurangan yang ketara sebanyak 49.3% tahun ke tahun kepada RM2.6 juta terutamanya disebabkan oleh kerugian rosot nilai dan hapus kira inventori yang lebih rendah.</p> |
| <p>11.09.24 (Rabu) 10.00 pagi</p> | <p>Symphony Life Berhad (AGM)</p> | <p>Pada tahun kewangan 2024, Kumpulan mengurangkan kerugian sebelum cukai kepada RM7.3 juta daripada kerugian RM72.1 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan itu sebahagian besarnya disumbangkan oleh masuk kira semula amaun berjumlah RM24.5 juta ke atas tanahnya di Amanjaya, Sungai Petani, diimbangi dengan pelarasan sebanyak RM15.3 juta untuk peruntukan kos pembinaan bersih.</p> |

| Tarikh & Masa | Syarikat | Tinjauan ringkas |
|-------------------------------|------------------------------|--|
| 11.09.24 (Rabu) 10.00 pagi | Censof Holdings Berhad (AGM) | <p>Kumpulan melaporkan peningkatan kecil dalam pendapatan kepada RM101.26 juta pada tahun kewangan 2024, daripada RM102.47 juta pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Segmen perniagaannya merekodkan prestasi yang bercampur-campur pada tahun kewangan 2024. Bahagian Penyelesaian Pengurusan Kewangan - Kerajaan (<i>Financial Management Solutions - Government</i>, FMS-G FMS-G) serta Komersial dan PKS (FMS-C) menyaksikan penurunan pendapatan masing-masing sebanyak 7.5% dan 1.9%, disebabkan oleh persaingan dan kelewatan projek.</p> <p>Sementara itu, pendapatan daripada segmen Penyelesaian Pengurusan Kekayaan (<i>Wealth Management Solutions</i>, WMS) dan Teknologi Digital (DT) meningkat sebanyak 25.9% dan 23.8%, didorong oleh sumbangan daripada projek baharu serta peningkatan penggunaan perkhidmatan e-perolehan, platform e-tender dan pengehosan awan.</p> |
| 11.09.24 (Rabu) 10.00 pagi | LTKM Berhad (AGM) | <p>Walaupun pendapatan LTKM meningkat sedikit sebanyak 0.2% tahun ke tahun kepada RM257.7 juta (tahun kewangan 2023: RM257.3 juta), Kumpulan menikmati perolehan yang memecahkan rekod dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM64.6 juta (tahun kewangan 2023: RM30.5 juta). Prestasi luar biasa itu disumbangkan oleh perolehan rekod daripada segmen pengeluaran telur ayam, perolehan yang lebih baik daripada segmen perlombongan pasir serta keuntungan nilai saksama daripada hartanah pelaburan.</p> |
| 11.09.24 (Rabu) 10.30 pagi | Systech Bhd (AGM) | <p>Pendapatan Kumpulan daripada operasi berterusan meningkat kepada RM25.131 juta daripada RM17.45 juta sebelum ini,</p> |

| Tarikh & Masa | Syarikat | Tinjauan ringkas |
|---------------------------------|--------------------------------|--|
| | | <p>disumbangkan oleh anak syarikat yang baru diambil alih, TalentCloud AI Sdn Bhd ditambah dengan sumbangan lebih tinggi daripada segmen Penyelesaian e-Logistik dan Penyelesaian keselamatan siber (CyberSecurity).</p> <p>Kerugian sebelum cukai Kumpulan menyusut kepada RM4.334 juta daripada RM5.45 juta pada tahun kewangan 2023, hasil daripada pelupusan anak syarikat yang merugikan serta peningkatan dalam kecekapan.</p> |
| 12.09.24 (Khamis) 10.00 pagi | Xin Synergy Group Berhad (AGM) | <p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM70.58 juta pada tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023: RM23.94 juta) dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM4.46 juta (tahun kewangan 2023: -RM42.40 juta).</p> <p>Peningkatan yang ketara dalam pendapatan ini disumbangkan oleh bahagian Pembangunan Hartanah.</p> |
| 12.09.24 (Khamis) 10.00 pagi | BM Greentech Berhad (AGM) | <p>Pendapatan BMGreenTech meningkat 16.6% kepada RM440.3 juta pada tahun kewangan 2024. Segmen bioteknologi, tenaga solar dan rawatan air Kumpulan mencatatkan pendapatan yang memecahkan rekod.</p> <p>Sementara itu, keuntungan sebelum cukai meningkat 129% kepada RM47.9 juta, selaras dengan peningkatan hasil, kecekapan dan penghantaran yang lebih baik, kos bahan mentah yang stabil serta turun naik mata wang asing.</p> |
| 12.09.24 (Khamis) 10.30 pagi | D'nonce Technology Bhd (AGM) | <p>Kerugian bersih D'nonce pada tahun kewangan 2024 melonjak 33 kali ganda kepada RM8.83 juta daripada kerugian bersih sebanyak RM259,000 pada tahun kewangan 2023. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh</p> |

| Tarikh & Masa | Syarikat | Tinjauan ringkas |
|---|--------------------------------------|--|
| | | <p>kerugian nilai saksama yang lebih tinggi daripada pelaburan lain berjumlah RM7.34 juta berbanding kerugian RM3.69 juta setahun yang lalu. Majoriti pelaburan lain D'nonce terdiri daripada pelaburan dalam saham disebut harga.</p> <p>Pada tahun kewangan 2024, pelaburan D'nonce dalam saham yang disebut harga di Malaysia meningkat kepada RM32.53 juta daripada RM22.89 juta sebelum ini. Sepanjang tahun kewangan 2024, D'nonce melaburkan sejumlah RM10.94 juta dalam saham disebut harga.</p> |
| <p>12.09.24 (Khamis) 11.00 pagi</p> | <p>Emico Holdings Berhad (AGM)</p> | <p>Pada tahun kewangan 2024, Emico merekodkan pendapatan berjumlah RM61.02 juta, menyusut RM180,000 berbanding tahun kewangan 2023, dengan ketiadaan sumbangan pendapatan daripada bahagian hartanah.</p> <p>Namun begitu, Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM5.52 juta (tahun kewangan 2023: RM1.41 juta) terutamanya disebabkan oleh harga jualan yang lebih tinggi serta pengukuhan dolar AS berbanding ringgit.</p> |
| <p>12.09.24 (Khamis) 02.30 petang</p> | <p>Vizione Holdings Berhad (EGM)</p> | <p>Vizione berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk resolusi di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cadangan Penyatuan Saham setiap lima Saham Vizione yang sedia ada menjadi satu Saham Vizione. - Cadangan Penempatan Persendirian sehingga 143 juta saham Vizione baharu selepas Cadangan Penyatuan Saham. <p>Langkah ini menandakan usaha penjanaaan dana ekuiti kelima yang dilaksanakan oleh Kumpulan sejak 2019, susulan tiga penempatan persendirian</p> |

| Tarikh & Masa | Syarikat | Tinjauan ringkas |
|---|--|--|
| | | <p>sebelum ini dan satu terbitan hak, yang secara kolektif berjaya mengumpulkan sejumlah RM234.59 juta.</p> <p>Lantaran itu, bilangan saham terbitannya meningkat hampir empat kali ganda, daripada 562 juta kepada 2.05 bilion.</p> |
| <p>12.09.24 (Khamis) 03.00 petang</p> | <p>Omesti Berhad (AGM)</p> | <p>Omesti melaporkan kerugian sebelum cukai yang besar sebanyak RM256.27 juta pada tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023: RM61.55 juta), terutamanya disebabkan oleh kerugian rosot nilai berjumlah RM208.98 juta yang ditanggung pada tahun tersebut. Pendapatannya menyusut sedikit kepada RM116.15 juta berbanding dengan RM116.22 juta pada tahun sebelumnya.</p> |
| <p>13.09.24 (Jumaat) 10.00 pagi</p> | <p>Powerwell Holdings Berhad (AGM)</p> | <p>Pendapatan Powerwell menyusut 2.7% kepada RM154.8 juta pada tahun kewangan 2024, terutamanya disebabkan oleh kurangnya projek yang diserahkan serta projek loji semikonduktor utama yang hampir siap.</p> <p>Namun begitu, margin keuntungan kasarnya meningkat kepada 29.7% daripada 15.5% setahun yang lalu, didorong oleh margin yang lebih tinggi dalam projek-projek utama, khususnya sektor loji tenaga solar, pusat data dan loji semikonduktor.</p> <p>Pada tahun kewangan 2024, Kumpulan memperoleh kontrak bernilai tinggi yang ketara, termasuk projek loji tenaga solar 100 MW dari Bangladesh bernilai AS\$8.90 juta (atau bersamaan RM41.90 juta), beberapa pusat data dan projek hartanah komersial.</p> |

Perkara penting:

| Syarikat | Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan |
|--|---|
| Bintai Kinden Corporation Berhad (AGM) | <p>"Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan sedang berusaha membangunkan pelan penyusunan semula yang komprehensif untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa yang berkaitan bagi mendapatkan kelulusan, dengan hasrat untuk keluar daripada klasifikasi PN17. Bintai telah menerima kelulusan daripada Bursa Malaysia Securities Berhad untuk lanjutan selama enam bulan, sehingga 29 September 2024, bagi mengemukakan pelan penyusunan semula." (Halaman 12, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Memandangkan tarikh akhir penyerahan pelan penyusunan semula adalah kurang sebulan dari tarikh AGM, adakah Syarikat berada di landasan yang betul untuk mengemukakan pelan tersebut sebelum 29 September 2024? Sila nyatakan juga perkembangannya yang terkini.</p> <p>b) Berapakah jumlah yang telah dibelanjakan setakat ini untuk melibatkan penasihat yang berkaitan bagi memudahkan penyerahan pelan penyusunan semula?</p> |
| Land & General Berhad (AGM) | <p>Pada penghujung Februari 2024, mahkamah Hong Kong menerima petyisyen pemiutang untuk membubarkan Country Garden Holdings Company Limited (CGHCL) kerana syarikat itu gagal membayar hutang.</p> <p>CGHCL ialah rakan usaha sama Country Garden Properties (Malaysia) Sdn. Bhd. (CGPM) manakala Syarikat ialah rakan kongsi usaha sama yang lain. CGPM telah melaporkan kerugian untuk dua tahun kewangan yang lalu.</p> <p>a) Adakah operasi CGPM diteruskan seperti biasa? Sila jelaskan kedudukan sebenar CGPM sekarang.</p> <p>b) Adakah terdapat permintaan untuk hartanah siap atau hartanah baharu CGPM? Apakah inventori hartanah siap yang tidak terjual dari segi unit dan nilai untuk tahun kewangan 2023 dan 2024?</p> |

| Syarikat | Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan |
|-----------------------------------|---|
| | c) Apakah rancangan Kumpulan untuk masa depan CGPM? |
| See Hup Consolidated Berhad (AGM) | <p>Perkhidmatan pengangkutan dan logistik merupakan penyumbang utama kepada pendapatan Kumpulan. Bagaimanapun, pendapatan segmen ini menyusut sebanyak 4.51% kepada RM105.21 juta daripada RM110.18 juta pada tahun sebelumnya, disebabkan oleh penurunan ketara dalam kadar pasaran (Halaman 12, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Sila berikan pecahan pendapatan untuk penghantaran pengangkutan udara, penghantaran kargo laut dan perkhidmatan pengangkutan darat untuk tahun kewangan berakhir 2023 dan tahun kewangan berakhir 2024. Nyatakan juga secara ringkas margin keuntungan kasar untuk setiap perkhidmatan di atas.</p> <p>b) Apakah nilai buku pesanan semasa untuk perkhidmatan pengangkutan dan logistik Kumpulan?</p> <p>c) Dalam segmen perniagaan ini, siapakah pelanggan atau industri utama yang menggunakan perkhidmatan Kumpulan? Sila berikan pecahannya.</p> <p>d) Apakah bahagian pasaran semasa Kumpulan untuk operasi pengangkutan laut di Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas?</p> <p>e) Sila jelaskan faktor di sebalik penurunan ketara dalam kadar pasaran serta strategi yang digunakan oleh Kumpulan untuk mengurangkan kesannya kepada pendapatan.</p> |
| Symphony Life Berhad (AGM) | Pendapatan kumpulan yang lebih rendah pada tahun kewangan 2024 berbanding tahun kewangan 2023 adalah disebabkan oleh pergerakan stok tidak terjual yang perlahan untuk tiga projek pembangunan Kumpulan iaitu Union |

| Syarikat | Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan |
|------------------------------|---|
| | <p>Suites, Tijani Raja Dewa (Kota Baru) dan lot perindustrian di Sungai Petani. (Halaman 37, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Sila jelaskan cabaran yang dihadapi oleh Syarikat dalam usaha untuk memastikan stok hartanah yang telah siap bagi tiga projek pembangunan di atas dapat dijual.</p> <p>b) Adakah terdapat peningkatan dalam stok hartanah yang terjual untuk ketiga-tiga projek hartanah tersebut? Jika ada, sila nyatakan bilangan unit yang dijual berserta nilainya masing-masing.</p> <p>c) Apakah langkah yang diambil untuk melangsaikan stok hartanah yang belum terjual untuk ketiga-tiga projek hartanah tersebut? Adakah langkah ini berjaya dari segi unit yang dijual? Sila berikan angka dan nilainya.</p> |
| Censof Holdings Berhad (AGM) | <p>Century Software (Malaysia) Sdn. Bhd., anak syarikat terbesar Kumpulan, mengetuai bahagian Penyelesaian Pengurusan Kewangan – Kerajaan (<i>Financial Management Solutions – Government, FMS-G</i>). Walaupun pendapatan menyusut sebanyak 7.5% disebabkan oleh kelewatan pentadbiran dalam projek pendigitalan sektor awam, bahagian FMS-G masih menyumbang 58.5% kepada pendapatan Kumpulan (Halaman 16, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Sila berikan pecahan pendapatan dan jumlah kontrak untuk penyelesaian Sistem Perakaunan Standard Agensi Kerajaan (<i>Standard Accounting System of Government Agencies, SAGA</i>), penyelesaian Perancangan Sumber Kerajaan (<i>Government Resource Planning, GRP</i>) berasaskan awan dan penyelesaian pengurusan kewangan ePihak Berkuasa Tempatan (ePBT) kepada Bahagian FMS-G untuk tahun kewangan berakhir 2024.</p> <p>b) Sila nyatakan berapa banyak sumbangan pendapatan penyelenggaraan berulang tahunan daripada setiap penyelesaian di atas kepada bahagian FMS-G pada tahun kewangan berakhir 2024. Di samping itu,</p> |

| Syarikat | Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan |
|-------------------|---|
| | <p>berapakah margin keuntungan bagi setiap penyelesaian kepada bahagian FMS-G pada tahun kewangan berakhir 2024?</p> <p>c) Usaha bahagian ini untuk meluaskan jangkauannya melangkaui projek kerajaan akhirnya membuahkan hasil. Pada tahun kewangan berakhir 2023, syarikat memperoleh kontrak daripada dua bank sektor swasta, termasuk satu di Brunei dan pada tahun kewangan berakhir 2024, syarikat memperoleh kontrak daripada DRB Hicom Berhad (Halaman 17, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>i. Apakah nama bank di Malaysia dan Brunei yang memeterai kontrak dengan Kumpulan? Sila nyatakan nilai kontrak, skop kerja dan tempoh kontrak. Bagaimanakah pendapatan dan perolehan daripada bank-bank ini akan diagihkan sepanjang tempoh projek? Adakah terdapat sebarang kontrak baharu yang diperoleh daripada industri perbankan dalam kedua-dua pasaran pada tahun kewangan berakhir 2024?</p> <p>Selain itu, sila berikan lebih banyak maklumat berkenaan kontrak dengan DRB Hicom Berhad dan syarikat lain, dari segi nilai kontrak, skop kerja dan tempoh kontrak.</p> |
| LTKM Berhad (AGM) | <p>Pada tahun kewangan 2024, pendapatan daripada segmen perlombongan pasir mencatatkan peningkatan sebanyak 27% kepada RM1.3juta disebabkan oleh peningkatan dalam pengeluaran serta volum jualan yang lebih tinggi. (Halaman 7, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Berapakah jumlah pasir yang dilombong pada tahun kewangan 2024 berbanding tahun kewangan 2023? Bagaimanakah prospek prestasi segmen perlombongan pasir Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2025?</p> |

| Syarikat | Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan |
|---------------------------------------|--|
| | <p>b) Sejauh manakah rasionalisasi subsidi diesel oleh Kerajaan memberi kesan terhadap segmen perlombongan pasir Kumpulan?</p> |
| <p>Systech Bhd (AGM)</p> | <p>Dengan sumbangan sebanyak 53%, segmen Keselamatan Siber (CyberSecurity) terus menjadi penyumbang utama kepada pendapatan Kumpulan (Halaman 7, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Berhubung dengan Akta Keselamatan Siber 2024 yang berkuat kuasa baru-baru ini, apakah pandangan Lembaga Pengarah terhadap kesan akta tersebut terhadap perniagaan Penyelesaian Keselamatan Siber Kumpulan?</p> <p>b) Sejauh manakah Akta Keselamatan Siber 2024 yang baharu itu menjadi ancaman atau membuka peluang kepada Kumpulan?</p> |
| <p>Xin Synergy Group Berhad (AGM)</p> | <p>Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM70.58 juta pada tahun kewangan berakhir 2024 (tahun kewangan berakhir 2023: RM23.94 juta). Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada bahagian pembangunan hartanah Kumpulan. Pendapatan yang lebih tinggi membolehkan Kumpulan mengurangkan kerugian daripada operasi berterusan kepada RM0.87 juta daripada RM42.57 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan sebelumnya (Halaman 8 dan 58, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Pendapatan yang meningkat ini adalah berikutan pengiktirafan pendapatan progresif untuk projek Ritze Perdana di Simpang Ampat (Halaman 8, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Memandangkan projek Ritze Perdana sudah pun siap (Halaman 7, Laporan Tahunan 2024) dan Kumpulan</p> |

| Syarikat | Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan |
|-----------------------------|---|
| | <p>hanya akan melancarkan Fasa 1 Siri Jade Perdana pada awal 2025 (Halaman 9, Laporan Tahunan 2024), apakah prospek pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2025?</p> <p>b) Dengan kerugian yang jauh lebih rendah, apakah prospek untuk Xin Synergy menambah baik keputusan akhir atau memulihkan operasinya yang berterusan pada tahun kewangan berakhir 2025?</p> |
| BM Greentech Berhad (AGM) | <p>Segmen Bio-Tenaga dan segmen Rawatan Air mencapai rekod pendapatan pada tahun kewangan 2024, masing-masing meningkat 11.4% dan 5%. (Halaman 26, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>(a) Apakah buku pesanan semasa yang masih berbaki untuk segmen ini? Bagaimanakah jika dibandingkan dengan setahun yang lalu?</p> <p>(b) Bagaimanakah trend harga bahan mentah utama sepanjang dua belas bulan yang lalu?</p> <p>(c) Adakah Kumpulan mempunyai sebarang rancangan untuk mengembangkan kapasiti pada tahun ini? Jika ada, berapakah jumlah perbelanjaan modal yang dibajetkan dan apakah pecahannya?</p> |
| DNonce Technology Bhd (AGM) | <p>1. Kerugian bersih D'nonce pada tahun kewangan 2024 melonjak 33 kali ganda kepada RM8.83 juta daripada kerugian bersih sebanyak RM259,000 pada tahun kewangan 2023. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh kerugian nilai saksama yang lebih tinggi ke atas pelaburan lain, berjumlah RM7.34 juta berbanding kerugian RM3.69 juta setahun yang lalu. Pelaburan Lain D'nonce sebahagian besarnya terdiri daripada pelaburan dalam saham disebut harga.</p> <p>Pelaburan disebut harga sentiasa terkesan dengan turun naik harga saham dan nilai saksama, mengakibatkan kerugian kepada Syarikat. Oleh yang</p> |

| Syarikat | Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan |
|----------|--|
| | <p>demikian, adakah Syarikat perlu memikirkan semula strategi dan objektif pelaburan untuk segmen ini? Apakah yang akan menjadi keutamaan D'nonce pada tahun kewangan 2025?</p> <p>2. Pada tahun kewangan 2024, pelaburan D'nonce dalam saham disebut harga di Malaysia meningkat kepada RM32.53 juta daripada RM22.89 juta pada tahun sebelumnya (Halaman 96, Nota 14 – Pelaburan Lain, Laporan Tahunan 2024). Sepanjang tahun kewangan 2024, D'nonce melaburkan RM10.94 juta dalam saham disebut harga.</p> <p>a) Sila senaraikan syarikat awam tersenarai (PLC) yang menjadi syarikat penerima pelaburan D'nonce dan saiz pelaburan tersebut.</p> <p>Jika D'nonce tidak dapat mendedahkan nama syarikat penerima pelaburan ini, sila nyatakan aktiviti perniagaan mereka. Secara purata, apakah saiz permodalan pasaran untuk syarikat penerima pelaburan ini?</p> <p>b) Apakah tesis, risiko, pulangan dan objektif pelaburan dalam saham ini? Apakah bentuk pulangan yang ingin diterima oleh D'nonce daripada pelaburan ini? Berapakah jumlah pulangan/kerugian yang direalisasikan oleh D'nonce daripada pelaburan dalam saham disebut harga sepanjang tahun?</p> <p>c) Sementara itu, D'nonce merekodkan kerugian nilai saksama sebanyak RM7.36 juta ke atas pelaburan lain pada tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023: RM3.69 juta).</p> <p>Apakah yang menyebabkan nilai pasaran syarikat penerima pelaburan ini merosot dengan mendadak?</p> |

| Syarikat | Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan |
|-------------------------------|--|
| Emico Holdings Berhad (AGM) | <p>Emico akan secara aktif mencari bakal pelanggan baharu untuk pengilang asal (<i>original equipment manufacturer, OEM</i>) di peringkat tempatan dan antarabangsa melalui jangkauan secara langsung dan penglibatan strategik. Kumpulan telah mengambil inisiatif untuk menambah baik dan menaik taraf kemudahannya, dengan itu membuka lebih banyak peluang perniagaan baharu untuk kejayaan yang mampan (Halaman 17, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Apakah perkembangan terkini usaha pencarian pelanggan baharu untuk OEM? Apakah tindakan yang diambil oleh Emico untuk mendapatkan pelanggan baharu?</p> <p>b) Adakah Emico berjaya mendapatkan pelanggan baharu untuk OEM? Jika ya, siapakah pelanggan ini dan mereka dari pasaran mana?</p> <p>c) Apakah inisiatif yang diambil oleh Emico dan berapakah kos yang ditanggung oleh Kumpulan untuk menambah baik dan menaik taraf kemudahannya?</p> |
| Vizione Holdings Berhad (EGM) | <p>Cadangan Penempatan Persendirian yang melibatkan penerbitan sehingga 143,000,000 Saham Penempatan, mewakili kira-kira 34.92% daripada jumlah Saham Disatukan. Penerbitan ini akan mengakibatkan pencairan yang ketara terhadap kepentingan pemegang saham sedia ada. (Halaman 5, Pekeliling)</p> <p>Langkah ini merupakan usaha penjanaaan dana ekuiti kelima yang dilaksanakan oleh Kumpulan sejak 2019, selepas tiga penempatan persendirian dan satu terbitan hak sebelum ini, yang secara kolektif mengumpulkan sejumlah RM234.59 juta. Sehubungan itu, bilangan saham biasa meningkat hampir empat kali ganda, meningkat daripada 562 juta kepada 2.05 bilion.</p> <p>Lembaga Pengarah menyatakan bahawa Cadangan Penempatan Persendirian dianggap sebagai kaedah</p> |

| Syarikat | Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan |
|---------------------|---|
| | <p data-bbox="584 237 1391 456">pengumpulan dana yang paling sesuai pada masa ini kerana ia membolehkan Kumpulan mengumpul dana tambahan dengan cepat tanpa menanggung kos faedah atau perlu membayar balik prinsipal, seperti yang diperlukan apabila membuat bank pinjaman. (Halaman 15, Pekeliling)</p> <p data-bbox="584 497 1391 940">Memandangkan Kumpulan telah kembali menjana keuntungan dengan nisbah penggearing yang rendah sebanyak 0.001 kali seperti yang ditunjukkan dalam laporan suku tahunan keempat untuk tahun kewangan 2024 yang belum diaudit selepas pandemik, Kumpulan kini berada pada kedudukan yang lebih baik untuk mendapatkan pinjaman bank. Kumpulan juga telah memperoleh projek pembinaan baharu di Semenyih dan Kota Kinabalu dengan kontrak berjumlah RM740 juta yang akan meningkatkan pendapatan Kumpulan pada masa hadapan.</p> <ol data-bbox="584 981 1391 1697" style="list-style-type: none"> a) Melihat kedudukan kewangan Kumpulan yang bertambah baik, mengapakah Lembaga Pengarah tidak memilih untuk mendapatkan pinjaman bank, sebaliknya meneruskan Cadangan Penempatan Persendirian yang akan mengakibatkan pencairan ketara terhadap kepentingan pemegang saham yang sedia ada? b) Berapakah faedah yang perlu dibayar sekiranya Kumpulan mendapat pinjaman sebanyak RM31 juta untuk membiayai Projek Residensi Sentral? c) Melangkah ke hadapan, bagaimanakah Kumpulan merancang untuk membiayai modal kerja permulaan bagi projek pembinaan baharu di Semenyih dan Kota Kinabalu? |
| Omesti Berhad (AGM) | Jualan baharu Formis Network Services Sdn Bhd merosot dengan ketara disebabkan tempoh pendaftarannya dengan Kementerian Kewangan telah tamat sejak pertengahan Mac 2023 dan syarikat tidak dapat mendaftar semula disebabkan perubahan pegangan saham dalam syarikat |

| Syarikat | Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan |
|----------|--|
| | <p>induk. Disebabkan kesulitan ini Kumpulan tidak dapat memuktamadkan sejumlah sembilan (9) projek penting daripada Sektor Awam yang telah diusahakan oleh Kumpulan (Halaman 2, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Berapakah jumlah anggaran nilai sembilan (9) projek penting itu dan kuantum kerugian kewangan kepada Syarikat?</p> <p>b) Siapa yang bertanggungjawab ke atas kesilapan ini?</p> <p>c) Apakah tahap pengawasan yang disediakan oleh Lembaga Pengarah terhadap perkara yang dinyatakan di atas?</p> <p>Apakah tindakan yang diambil oleh Lembaga Pengarah bagi memastikan kejadian sedemikian tidak berulang pada masa hadapan?</p> |



FORUM
for Minority
Shareholders

UNDERSTANDING MPHB PRIVATISATION

MPHB Capital Berhad (MPHB) has recently announced a proposed selective capital reduction and repayment exercise (Proposed SCR), offering RM1.70 per share for the privatisation of the company by its major shareholder.

In response to numerous concerns and requests from minority shareholders, the Minority Shareholders Watch Group (MSWG) will organise a forum to provide a comprehensive overview and clarification of the Proposed SCR and the upcoming independent advice letter.

The date and venue of the forum will be announced soon.

Please stay tuned for our updates.



CLIMATE GOVERNANCE MALAYSIA

NATIONAL CLIMATE GOVERNANCE SUMMIT 2024

More than 80 speakers, 13 workshops and 7 masterclasses. Free and open to the public.

TUESDAY 10 SEPT - THURSDAY 12 SEPT 2024 | HYBRID EVENT | [REGISTER HERE](#)



ORGANISED BY

MSWG

SEPTEMBER 2024

NACGSA

NATIONAL CORPORATE GOVERNANCE &
SUSTAINABILITY AWARDS 2024

DISCLOSURE OF INTERESTS

With regard to the companies mentioned, MSWG holds a minimum number of shares in all the companies covered in this newsletter.

DISCLAIMER

This newsletter and the contents thereof and all rights relating thereto including all copyright is owned by the Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, also known as the Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

The contents and the opinions expressed in this newsletter are based on information in the public domain and are intended to provide the user with general information and for reference only. Best efforts have been made to ensure that the information contained in this newsletter is accurate and current as at the date of publication. However, MSWG makes no express or implied warranty as to the accuracy or completeness of any such information and opinions contained in this newsletter. No information in this newsletter is intended to be or should be construed as a recommendation to buy or sell or an invitation to subscribe for any, of the subject securities, related investments or other financial instruments thereof.

MSWG must be acknowledged for any part of this newsletter which is reproduced.

MSWG bears no responsibility or liability for any reliance on any information or comments appearing herein or for reproduction of the same by third parties. All readers or investors are advised to obtain legal or other professional advice before taking any action based on this newsletter.